



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PENJELASAN JKM BERHUBUNG LAPORAN MEDIA - ISU KAD OKU MILIK ANAK KLIEN

PUTRAJAYA, 16 Oktober 2025 – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ingin merujuk kepada laporan yang disiarkan oleh sebuah akhbar tempatan pada 15 Oktober 2025 berkaitan isu melibatkan seorang klien, Puan Nur Zarina binti Mohd Zainuddin berkaitan kad Orang Kelainan Upaya (OKU) milik anak beliau yang didakwa hilang.

Hasil semakan mendapati tiada maklumat pengesahan pegawai perubatan direkodkan dalam **Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU)** bagi anak klien tersebut. Petugas telah memberikan penerangan lanjut, menyerahkan Borang BPPOKU (Pindaan 2019) untuk diisi dan menandakan bahagian berkaitan bagi memudahkan rujukan klien. Klien turut disarankan untuk membuat laporan polis sebagai langkah pencegahan terhadap sebarang kemungkinan penyalahgunaan kad.

Selain itu, klien juga menyerahkan satu lagi kad OKU milik anak kembarnya bagi tujuan penggantian kad rosak. Hasil semakan menunjukkan situasi yang sama iaitu tiada pengesahan perubatan dalam sistem dan maklumat tersebut belum pernah dikemaskini. Klien telah dimaklumkan bahawa **penggantian kad baharu (kad QR) hanya boleh dilaksanakan setelah laporan perubatan atau makluman pengesahan terkini dikemukakan.**

Ini adalah kerana, sistem SMOKU yang diperkenalkan pada tahun 2011 telah melalui beberapa fasa menaik taraf dengan penambahan subkategori OKU serta pengenalan kad OKU baharu berteknologi QR. Oleh itu, klien telah disarankan untuk melakukan pengesahan semula oleh pegawai perubatan bagi membolehkan pengemaskinian data dibuat dalam sistem serta membuat laporan polis sebagai langkah keselamatan dan perlindungan data peribadi.

Hasil daripada tindakan susulan dan khidmat nasihat yang diberikan, klien telah menyerahkan semua dokumen berkaitan kepada JKM pada 15 Oktober 2025. Kad OKU anak klien telah diproses dan dikeluarkan oleh JKM pada 16 Oktober 2025.

JKM sentiasa komited untuk memastikan setiap urusan berkaitan pendaftaran, pengemaskinian dan penggantian kad OKU dilaksanakan secara tertib, telus dan berpandukan prosedur operasi standard (SOP). JKM menyarankan agar klien sentiasa mengemaskini maklumat peribadi dan laporan perubatan bagi memastikan data dalam sistem SMOKU kekal tepat dan terkini.

--TAMAT--

Disediakan oleh	Unit Perhubungan Awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
Tarikh dikeluarkan	16 Oktober 2025